



**INFORMASI
&
SYARAT PENYERTAAN**
**SAYEMBARA PENULISAN KISAH INSPIRASI,
DEKLAMASI SAJAK DAN PERTANDINGAN VIDEO
PENDEK,
BERTERASKAN NILAI PERINGKAT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2020**

Disediakan Oleh:

Cawangan Pembangunan Program Adab dan Nilai
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

A. PENDAHULUAN

Syarat pertandingan ini digubal bagi memberikan panduan kepada para peserta Sayembara Penulisan Kisah Inspirasi, Deklamasi Sajak, Pertandingan Video Pendek, Berteraskan Nilai Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2020. Ia dianjurkan oleh Cawangan Pembangunan Program Adab dan Nilai, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. **Sila baca syarat pertandingan dengan teliti.**

Kategori dalam pertandingan ini ialah:

KATEGORI 1: SAYEMBARA PENULISAN KISAH INSPIRASI BERTERASKAN NILAI (terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan kakitangan yang berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (sekolah KPM, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Bahagian KPM). Ini termasuk pensyarah dan kakitangan di Institut Pendidikan Guru, Institut Aminuddin Baki dan Pusat Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

KATEGORI 2: DEKLAMASI SAJAK (terbuka kepada murid-murid sekolah menengah tingkatan satu hingga lima sekolah-sekolah yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia)

KATEGORI 3: PERTANDINGAN VIDEO PENDEK BERTERASKAN NILAI (terbuka kepada gabungan guru dan murid sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (**seorang guru dan 2 orang murid sepasukan**))

KATEGORI 1:
SAYEMBARA PENULISAN KISAH INSPIRASI
BERTERASKAN NILAI

(Terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan kakitangan yang berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (sekolah KPM, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Bahagian KPM). Ini termasuk pensyarah dan kakitangan di Institut Pendidikan Guru, Institut Aminuddin Baki dan Pusat Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia)



SYARAT PERTANDINGAN SAYEMBARA PENULISAN KISAH INSPIRASI BERTERASKAN NILAI PERINGKAT KPM 2020

A. PENDAHULUAN

Syarat pertandingan ini digubal bagi memberikan panduan kepada para peserta Sayembara Penulisan Kisah Inspirasi Berteraskan Nilai BPI Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2020. Pertandingan ini dianjurkan oleh Cawangan Pembangunan Program Adab dan Nilai, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. **Sila baca syarat pertandingan dengan teliti.**

B. DEFINISI KISAH INSPIRASI BERTERASKAN NILAI

- i. Kisah Inspirasi Berteraskan Nilai membawa maksud sesuatu hal atau keadaan atau cerita atau kejadian masa lalu yang boleh memberi inspirasi kepada seseorang untuk melakukan hal yang sama dengan membawa unsur nilai – nilai murni dalam kehidupan insan.
- ii. Kisah yang ditulis adalah melalui pengalaman sendiri atau pihak ketiga yang sifatnya dapat mengilham, menggerak, membangkit, atau mengobarkan semangat untuk melakukan sesuatu yang positif.
- iii. Genre penulisan kisah inspirasi adalah berbentuk karya fiksi kreatif yang memelihara gaya cerita, teknik naratif, isi berhikmah dan bermanfaat untuk pembaca. Penceritaan karya fiksi boleh diubah (penambahan atau pengurangan) daripada kisah benar untuk melestarikan nilai namun hendaklah logik berdasarkan sumber sahih sekiranya ia melibatkan fakta sejarah dan fakta ilmu pengetahuan.

C. SYARAT PERTANDINGAN

1.0 Syarat Am Pertandingan

- 1.1 Pertandingan ini terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan kakitangan yang berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (sekolah KPM, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Bahagian KPM). Ini termasuk pensyarah dan kakitangan di Institut Pendidikan Guru, Institut Aminuddin Baki dan Pusat Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.2 Kakitangan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- 1.3 Karya hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu dan sesuai untuk bacaan umum.
- 1.4 Karya yang dihasilkan mestilah karya ASLI penulis. Sebarang karya plagiat, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan cetak atau digital terbatal secara **AUTOMATIK**.
- 1.5 Karya tidak boleh menyentuh **sensitiviti, subversif dan negatif** mana-mana pihak.
- 1.6 Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu karya. Tetapi hanya satu karya sahaja yang dipilih sebagai pemenang.
- 1.7 Sekiranya selepas keputusan diumumkan, urus setia mendapati peserta melanggar syarat pada 1.4, urus setia berhak menarik kembali hadiah pertandingan.
- 1.8 Karya yang dihantar hendaklah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar.
- 1.9 Para peserta perlu mengisi **borang penyertaan dan pengakuan keaslian karya yang dilampirkan. Ia perlu dihantar bersama-sama dengan karya.**
- 1.10 Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak dan menerbitkan karya tersebut.
- 1.11 Keputusan panel juri adalah muktamad.

2.0 Syarat Khas Pertandingan

- 2.1 Penulisan kisah inspirasi yang berimpak tinggi perlu mengambil kira perkara berikut:
- i. Nilai dan huraian nilai yang kreatif sehingga memberi kesan kepada pembaca.
 - ii. Menggunakan bahasa yang sederhana ringan namun tetap menyentuh hati pembaca.
 - iii. Melibatkan emosi secukupnya agar kisah itu benar – benar memberi hikmah dan menjadi panduan hidup dengan disokong sekurang – kurangnya satu sumber autentik.
 - iv. Aspek nilai yang dibawa mampu membangkitkan jiwa dan semangat pembaca untuk dicontohi, dicerita dan dikongsi oleh masyarakat.
- 2.2 Sila nyatakan sumber rujukan pada halaman akhir karya (*jika ada*).

D. CADANGAN TEMA NILAI

1. Cinta kepada negara
2. Berhemah tinggi
3. Toleransi
4. Memelihara dan memulihara flora dan fauna
5. Mengenali hak kanak-kanak
6. Menjaga maruah diri
7. Sopan santun
8. Menghormati kepelbagaian kaum dan etnik
9. Menghormati kepelbagaian
10. Menghargai anugerah alam sekitar
11. Menghormati dan mentaati raja, pemimpin dan negara
12. Amanah
13. Menunaikan hak keluarga
14. Mematuhi Peraturan dalam Komuniti
15. Keberanian
16. Menjaga kebersihan sekolah
17. Berfikiran positif
18. Kebersamaan
19. Kemesraan
20. Menikmati kecemerlangan dan kegemilangan negara
21. Berwawasan memanfaatkan sumber asli
22. Mengutamakan keselamatan diri

23. Keharmonian
24. Keakraban
25. Semangat patriotik
26. Menghargai dan menyayangi alam sekitar
27. Menanamkan keyakinan
28. Ketaatan
29. Memuliakan orang lain
30. Membentuk identiti warganegara yang setia
31. Mengekalkan hidupan liar dan kepelbagaian hidup
32. Rajin menuntut ilmu memajukan diri
33. Berdisiplin
34. Penglibatan
35. Integriti, amanah dan cekap
36. Memelihara kelestarian alam
37. Keceriaan
38. Bersyukur
39. Penghargaan
40. Menikmati keamanan negara
41. Keseronokan menerokai alam

E. FORMAT PENULISAN

Format penulisan kisah inspirasi adalah seperti berikut:

Kertas : A4

Lay out : Potrait (halaman menegak)

Font : Arial (saiz 12)

Langkau : 2.0 (dua baris)

Jumlah Patah Perkataan: 1000-1500 patah perkataan

Nota penting : Sila catatkan bilangan patah perkataan pada akhir karya

F. INSENTIF

1.0 Hadiah akan diberikan kepada pemenang:

1.01 Hadiah utama : 3 tempat

1.02 Penghargaan : 5 tempat

1.1 Setiap penyertaan yang menepati syarat akan mendapat sijil penyertaan.

1.2 Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon. Hadiah akan disampaikan dalam majlis yang akan dimaklumkan.

G. PENGHANTARAN KARYA

1.0 Karya perlu dihantar dalam **dua bentuk**:

i. Salinan cetak (*hard copy*) diposkan kepada :

Urus setia Sayembara Penulisan Kisah Inspirasi Berteraskan Nilai Peringkat KPM
Bahagian Pendidikan Islam,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
No. 2251, Aras 2, Bangunan Mustapha Kamal,
Jalan Usahawan 1,
63000, Cyberjaya Selangor Darul Ehsan.
(U.P. Encik Ruzain Syukur bin Mansor)

***Urus setia tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan karya yang dikirim melalui pos.**

ii. Salinan digital (*soft copy*), juga mestilah di e-melkan ke :

kisahinspirasikpm2020@gmail.com

1.1 Nama dan alamat penulis tidak dibenarkan tertera pada karya yang dihantar. Ia hanya perlu ditulis pada Borang Penyertaan Dan Pengakuan Keaslian Karya sahaja.

1.2 Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak dan menerbitkan bahan tersebut.

1.3 Tarikh tutup sayembara ini adalah pada : **30 April 2020**

1.4 Sebarang pertanyaan mengenai sayembara, sila berhubung dengan **En. Ruzain Syukur b Mansor**, di talian **019-2103267** atau e-mel ke : **kisahinspirasikpm2020@gmail.com**

1.5 Keputusan panel juri adalah muktamad.

Nombor Siri
(Untuk kegunaan urus setia):

BORANG PENYERTAAN DAN PERAKUAN KEASLIAN KARYA

SAYEMBARA PENULISAN KISAH INSPIRASI BERTERASKAN NILAI
PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2020

BORANG PENYERTAAN

NO	PERKARA	
1.	Nama	
2.	Nombor Kad Pengenalan	
3.	Tajuk Kisah	
4.	Tema	
5.	Nama dan Alamat Jabatan	
6.	No Telefon Jabatan	
7.	No Faksimile Jabatan	
8.	No Telefon Bimbit	
9.	E-mel	

PERAKUAN PENULIS

Saya (.....) bernombor kad pengenalan
(.....) dengan ini mengakui bahawa:

1. Semua butiran diri yang diberikan adalah benar.
2. Karya yang dihantar ialah hasil tulisan saya sendiri sepenuhnya.
3. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap karya yang dihantar dari segi kesahihan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan
4. Bersetuju bahawa hasil karya ini akan menjadi milik penganjur untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Tandatangan :
Nama :
No. Kad
Pengenalan :

Pengesahan Ketua Jabatan

Tandatangan :
Cop jawatan :

Untuk rekod Urus setia

Tarikh Terima :
Nama penerima :

NOTA KEPADA URUS SETIA:

1. SILA CATATKAN NOMBOR SIRI PADA BORANG PENYERTAAN DAN SKRIP KARYA
2. SILA ASINGKAN BORANG PENYERTAAN DARIPADA LEMBARAN SKRIP KARYA.

KATEGORI 2: DEKLAMASI SAJAK BERTERASKAN NILAI PERINGKAT KPM 2020

(Terbuka kepada murid-murid sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5 sekolah-sekolah yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia)



**SYARAT PENYERTAAN
SAYEMBARA DEKLAMASI SAJAK BERTERASKAN NILAI PERINGKAT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2020**

A. PENDAHULUAN

Syarat pertandingan ini digubal bagi memberikan panduan kepada para peserta Sayembara Deklamasi Sajak Berteraskan Nilai Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia 2020. Ia dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. **Sila baca syarat pertandingan dengan teliti.**

B. DEFINISI DEKLAMASI SAJAK BERTERASKAN BERTERASKAN NILAI

- i. Deklamasi Sajak Berteraskan Nilai bermaksud penghasilan dan pembacaan sajak yang membabitkan suara, sebutan, nada, intonasi, mimik muka, gerak badan dengan gaya bersesuaian yang memberi makna dan hubungkait terhadap nilai kemanusiaan. Ianya sebagai salah satu elemen ekspresi idea dan minda dalam pembentukan adab nilai warganegara Malaysia.
- ii. Deklamasi berdasarkan sajak yang dicipta ini perlu dirakam dan dihantar kepada urus setia bagi tujuan penilaian panel juri.
- iii. **Peringkat, Kaedah Penghantaran dan Penilaian:**
Peringkat : (i) Saringan (ii) Akhir
Kaedah Penghantaran : (i) Teks Sajak dan (ii) Video Deklamasi Sajak

Kaedah Penilaian

- Peringkat Saringan : Penilaian teks dan video deklamasi sajak
Peringkat Akhir : Penilaian teks & Deklamasi sajak secara langsung (dipertandingkan sempena Festival Kesenian Islam Sekolah-Sekolah KPM Peringkat Kebangsaan pada bulan Julai 2020)

C. SYARAT PERTANDINGAN

1.0 KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

Peserta boleh menghantar video deklamasi sajak berdasarkan kategori yang dipertandingkan seperti berikut:

1.1 Video Deklamasi Sajak Berteraskan Nilai Murni (Bahasa Melayu)

2.0 Syarat Am Pertandingan

- 1.1 Pertandingan ini terbuka kepada **murid-murid sekolah menengah tingkatan satu hingga lima sekolah-sekolah** yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.2 Anak kakitangan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- 1.3 Sajak yang ditulis mestilah dalam Bahasa Melayu serta sesuai untuk bacaan umum.
- 1.4 Sajak dan Video deklamasi sajak yang dihasilkan mestilah karya ASLI penulis. Sebarang karya plagiat, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan cetak atau digital terbatal secara **AUTOMATIK**.
- 1.5 Karya tidak boleh menyentuh **sensitiviti, subversif dan negatif** mana-mana pihak.
- 1.6 Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu video deklamasi sajak. Tetapi hanya satu karya sahaja yang dipilih sebagai pemenang.
- 1.7 Sekiranya selepas keputusan diumumkan,urus setia mendapati peserta melanggar syarat pada 1.4, urus setia berhak menarik kembali hadiah pertandingan.
- 1.8 Karya yang dihantar hendaklah mendapat pengesahan daripada Pengetua sekolah
- 1.9 Para peserta perlu mengisi **borang penyertaan dan pengakuan keaslian karya yang dilampirkan. Ia perlu dihantar bersama dengan karya.**
- 1.10 Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak dan menerbitkan karya tersebut.
- 1.11 Keputusan panel juri adalah muktamad.

3.0 Syarat Khas Pertandingan

3.1 SYARAT PENGHASILAN SAJAK DAN VIDEO DEKLAMASI SAJAK

Penulisan Sajak perlu mengambil kira perkara berikut:

- 3.1.1 Sajak yang dipilih untuk dideklamasikan mestilah ditulis sendiri dalam Bahasa Melayu.
- 3.1.2 Sajak hendaklah ditaip di atas kertas A4 dalam jarak 2 langkau .
- 3.1.3 Ditaip menggunakan font Arial bersaiz 12 dan dicetak pada sebelah muka setiap helaian.
- 3.1.4 Sajak ditulis dalam lingkungan 20 hingga 25 baris sahaja (tuliskan bilangan baris pada hujung teks)
- 3.1.5 Sajak yang dihasilkan perlu dideklamasikan dan dirakam mengikut spesifikasi sepertimana butiran 3.2

3.2 SPESIFIKASI VIDEO DAN PANDUAN MENDEKLAMASIKAN SAJAK

- 3.2.1 Durasi video deklamasi sajak secara keseluruhannya mesti **tidak kurang dari 2 minit dan tidak melebihi 5 minit** .
- 3.2.2 Format video yang dibenarkan adalah **MOV, FLV dan MP4**
- 3.2.3 Resolusi minima video adalah **720p dan maksima 1080p dengan saiz ratio video 16:9.**
- 3.2.4 Peserta tidak dibenarkan menggunakan alat bantu atau sebarang peralatan muzik semasa mendeklamasikan sajak.
- 3.2.5 Peserta dibenarkan memakai kostum atau pakaian yang bersesuaian dengan tema sajak.
- 3.2.6 Peserta digalakkan untuk menghafal dan menghayati sajak yang ingin dideklamasikan

D. CADANGAN TEMA NILAI UNTUK DIMUATKAN DALAM SAJAK

1. Cinta kepada Negara
2. Semangat Patriotik
3. Toleransi
4. Menghormati Kepelbagaian Kaum dan Etnik
5. Bersatu-padu
6. Hormati Kepelbagaian
7. Menghargai anugerah alam sekitar

8. Menghormati dan mentaati raja, pemimpin dan negara
9. Amanah
10. Menunaikan Hak Keluarga
11. Mematuhi Peraturan dalam Komuniti
12. Keberanian
13. Menjaga kebersihan sekolah
14. Berfikiran Positif
15. Kebersamaan
16. Kemesraan
17. Menikmati kecemerlangan dan kegemilangan negara
18. Keharmonian
19. Keakraban
20. Menghargai dan menyayangi alam sekitar
21. Ketaatan
22. Memuliakan orang lain
23. Membentuk identiti warganegara yang setia
24. Berdisiplin
25. Integriti, Amanah dan Cekap
26. Bersyukur
27. Penghargaan
28. Menikmati Keamanan Negara

F. INSENTIF

1.0 Hadiah akan diberikan kepada pemenang:

1.01 Hadiah utama : 3 tempat

1.02 Penghargaan : 5 tempat

1.1 Setiap penyertaan yang menepati syarat akan mendapat sijil penyertaan.

1.2 Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon. Hadiah akan disampaikan dalam majlis yang akan dimaklumkan kelak.

G. PENGHANTARAN KARYA

1.0 Karya perlu dihantar dalam **dua bentuk**:

- i. Salinan video (*hard copy*) deklamasi sajak yang disimpan di dalam pemacu pena (*pen drive*) serta diposkan kepada:

Urus setia Sayembara Deklamasi Sajak Berteraskan Nilai Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia 2020
Bahagian Pendidikan Islam,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
No. 2251, Aras 2, Bangunan Mustapha Kamal,
Jalan Usahawan 1,
63000, Cyberjaya Selangor Darul Ehsan.
(U.P. Ruzain Syukur Bin Mansor)

***Urus setia tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan karya yang dikirim melalui pos.**

- ii. Salinan digital (*soft copy*), juga mestilah di E-mel ke :
deklamasisajakkpm2020@gmail.com

1.6 Karya yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak dan menerbitkan bahan tersebut. Hak cipta karya yang dihantar menjadi milik penganjur.

1.7 Tarikh tutup sayembara ini adalah pada : **30 April 2020**

1.8 Sebarang pertanyaan mengenai sayembara, sila berhubung dengan **Ruzain Syukur b Mansor** di talian **019-2103267** atau e-mel ke :
deklamasisajakkpm2020@gmail.com

1.9 Keputusan panel juri adalah muktamad.

Nombor Siri
(Untuk kegunaan urus setia):

BORANG PENYERTAAN DAN PENGAKUAN KEASLIAN KARYA
SAYEMBARA DEKLAMASI SAJAK BERTERASKAN NILAI PERINGKAT KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA 2020
BORANG PENYERTAAN

NO	PERKARA	
1.	Nama	
2.	Nombor Kad Pengenalan	
3.	Tajuk Sajak	
4.	Tema	
5.	Nama dan alamat Sekolah	
6.	No Telefon Sekolah	
7.	No Faksimile Sekolah	
8.	Emel Peribadi	
9.	E-mel Sekolah	

PERAKUAN PENULISAN

Saya (.....) bernombor kad pengenalan (.....) dengan ini mengakui bahawa:

1. Semua butiran diri yang diberikan adalah benar.
2. Karya yang dihantar adalah hasil tulisan saya sendiri sepenuhnya.
3. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap karya yang dihantar dari segi kesahihan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan
4. Bersetuju bahawa hasil karya ini akan menjadi milik penganjur untuk disunting dicetak dan diterbitkan.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad

Pengenalan :

Pengesahan Pengetua

Tandatangan :

Cop jawatan :

Untuk rekod Urus setia

Tarikh Terima :

Nama penerima :

NOTA KEPADA URUS SETIA:

1. SILA CATATKAN NOMBOR SIRI PADA BORANG PENYERTAAN DAN SKRIP KARYA
2. SILA ASINGKAN BORANG PENYERTAAN DARIPADA LEMBARAN SKRIP KARYA.

KATEGORI 3:
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK BERTERASKAN NILAI

(terbuka kepada gabungan guru dan murid sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia **(seorang guru 2 orang murid sepasukan)**)





**SYARAT PENYERTAAN
SAYEMBARA VIDEO PENDEK BERTERASKAN NILAI
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TAHUN 2020**

A. PENDAHULUAN

Syarat pertandingan ini digubal bagi memberikan panduan kepada para peserta Sayembara Video Pendek Berteraskan Nilai Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2020. Ia dianjurkan oleh Cawangan Pembangunan Program Adab dan Nilai, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. **Sila baca syarat pertandingan dengan teliti.**

B. DEFINISI VIDEO PENDEK BERTERASKAN NILAI

- i. Video Pendek Berteraskan Nilai membawa maksud sesuatu hal atau keadaan atau cerita atau kejadian lalu yang dirakamkan dalam durasi yang tidak panjang dengan membawa unsur nilai – nilai murni dalam kehidupan insan.
- ii. Video yang dirakamkan adalah melalui pengalaman sendiri atau pihak ketiga yang sifatnya dapat mengilham, menggerak, membangkit, atau mengobar semangat untuk melakukan sesuatu yang positif.
- iii. Genre rakaman video adalah berbentuk karya fiksyen kreatif yang memelihara gaya cerita, teknik naratif, isi berhikmah dan bermanfaat untuk penonton. Video karya fiksyen boleh diubah (penambahan atau pengurangan) dari kisah nyata untuk melestari nilai namun hendaklah logik berdasarkan sumber sahih sekiranya ia melibatkan fakta sejarah dan fakta ilmu pengetahuan.

C. SYARAT PERTANDINGAN

1.0 Syarat Am Pertandingan

- 1.1 Pertandingan ini terbuka kepada gabungan guru dan murid sekolah-sekolah menengah atau rendah Kementerian Pendidikan Malaysia **(seorang guru dan 2 orang murid sepasukan)**
- 1.2 Rakaman video hendaklah menggunakan Bahasa Melayu dan sesuai untuk tontonan umum.

- 1.3 Video yang dihasilkan mestilah rakaman ASLI. Sebarang rakaman plagiat, terjemahan, atau video yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan digital terbatal secara **AUTOMATIK**.
- 1.4 Video tidak boleh menyentuh **sensitiviti, subversif dan negatif** mana-mana pihak.
- 1.5 Setiap penyertaan boleh lebih daripada satu video. Tetapi hanya satu video sahaja yang dipilih sebagai pemenang.
- 1.6 Sekiranya selepas keputusan diumumkan, urus setia mendapati peserta melanggar syarat pada 1.3, urus setia berhak menarik kembali hadiah pertandingan.
- 1.7 Video yang dihantar hendaklah mendapat pengesahan daripada Pengetua/Guru Besar.
- 1.8 Para peserta perlu mengisi **borang penyertaan dan pengakuan keaslian video yang dilampirkan. Ia perlu dihantar bersama dengan video.**
- 1.9 Video yang dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, menyiarkan dan menerbitkan video tersebut.
- 1.10 Keputusan panel juri adalah muktamad.

2.0 Syarat Khas Pertandingan

- 2.1 Rakaman video yang berimpak tinggi perlu mengambil kira perkara berikut:
 - i. Nilai dan huraian nilai yang kreatif sehingga memberi kesan kepada penonton.
 - ii. Menggunakan bahasa yang sederhana ringan namun tetap menyentuh hati penonton.
 - iii. Melibatkan emosi secukupnya agar video itu benar – benar memberi hikmah dan menjadi panduan hidup dengan disokong sekurang – kurangnya satu sumber autentik.
 - iv. Aspek nilai yang dibawa mampu membangkitkan jiwa dan semangat penonton untuk dicontohi, dicerita dan dikongsi oleh masyarakat.

- 2.5** Durasi video secara keseluruhannya mesti **tidak kurang dari 3 minit dan tidak melebihi 5 minit**
- 2.6** Format video yang dibenarkan adalah **MOV, FLV dan MP4**
- 2.7** Resolusi minima video adalah **720p dan maksima 1080p dengan saiz ratio video 16:9.**
- 2.8 Rekabentuk penyampaian video adalah bebas.
- 2.9 Peserta dikehendaki menyediakan sinopsis isi kandungan tidak melebihi 100 patah perkataan dan dihantar menerusi lampiran pada borang penyertaan di bawah.
- 2.10 Sila pastikan setiap video, sinopsis dan transkrip dinamakan dengan format berikut: <tajuk video> + <nama peserta> | contoh file video: nilaimurni-abuanas.mp4, file sinopsis: nilaimurni-abuanas-sinopsis, file transkrip: nilaimurni-abuanas-transkrip
- 2.11 Pastikan semua lagu yang digunakan berstatus bebas royalti. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran AKTA HAK CIPTA.
- 2.12 Video yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta dan **TIDAK BOLEH** mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sebarang sensitiviti. Manakala unsur negatif tidak wajar dipaparkan dalam video.
- 2.13 Penganjur tidak akan bertanggung-jawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hakcipta yang melibatkan muzik dan seumpamanya. Peserta hendaklah bertanggung-jawab sepenuhnya sama ada sebelum, semasa atau selepas video dihasilkan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang melanggar syarat-syarat di atas. Penganjur tidak akan melayan sebarang tuntutan tambahan daripada penyertaan yang dihantar peserta.

D. CADANGAN TEMA NILAI

1. Cinta kepada Negara
2. Berhemah Tinggi
3. Toleransi
4. Memelihara dan memulihara flora dan fauna
5. Mengenali Hak Kanak-Kanak
6. Menjaga Maruah Diri
7. Sopan Santun

8. Menghormati Kepelbagaian Kaum dan Etnik
9. Hormati Kepelbagaian
10. Menghargai anugerah alam sekitar
11. Menghormati dan mentaati raja, pemimpin dan negara
12. Amanah
13. Menunaikan Hak Keluarga
14. Mematuhi Peraturan dalam Komuniti
15. Keberanian
16. Menjaga kebersihan sekolah
17. Berfikiran Positif
18. Kebersamaan
19. Kemesraan
20. Menikmati kecemerlangan dan kegemilangan negara
21. Berwawasan memanfaatkan sumber asli
22. Mengutamakan Keselamatan diri
23. Keharmonian
24. Keakraban
25. Semangat Patriotik
26. Menghargai dan menyayangi alam sekitar
27. Menanamkan keyakinan
28. Ketaatan
29. Memuliakan orang lain
30. Membentuk identiti warganegara yang setia
31. Mengekalkan hidupan liar dan kepelbagaian hidup
32. Rajin menuntut ilmu memajukan diri
33. Berdisiplin
34. Penglibatan
35. Integriti, Amanah dan Cepak
36. Memelihara kelestarian alam
37. Keceriaan
38. Bersyukur
39. Penghargaan
40. Menikmati Keamanan Negara
41. Keseronokan Meneroka Alam

F. INSENTIF

1.0 Hadiah akan diberikan kepada pemenang:

1.01 Hadiah utama : 3 tempat

1.02 Penghargaan : 5 tempat

1.1 Setiap penyertaan yang menepati syarat akan mendapat sijil penyertaan.

- 1.2 Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon. Hadiah akan disampaikan dalam majlis yang akan dimaklumkan.

G. PENGHANTARAN VIDEO

1.0 Video perlu dihantar dalam **dua bentuk**:

- i. Salinan video (*hard copy*) yang disimpan di dalam pemacu pena (*pen drive*) diposkan kepada:

Urus setia Sayembara Video Pendek Berteraskan Nilai Peringkat KPM 2020,
Bahagian Pendidikan Islam,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
No. 2251, Aras 2, Bangunan Mustapha Kamal,
Jalan Usahawan 1,
63000, Cyberjaya Selangor Darul Ehsan.
(U.P.: Ruzain Syukur b Mansor)

***Urus setia tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan karya yang dikirim melalui pos.**

- ii. Salinan digital (*soft copy*), juga mestilah di E-mel ke :
videopendekkpm2020@gmail.com

1.1 Tarikh tutup sayembara ini adalah pada : **30 April 2020**

1.2 Urus setia pertandingan tidak dibenarkan menyertai sayembara.

1.3 Sebarang pertanyaan mengenai sayembara, sila berhubung dengan **Ruzain Syukur bin Mansor** di talian **019-2103267** atau e-mel ke :
videopendekkpm2020@gmail.com

1.4 Keputusan panel juri adalah muktamad.

Nombor Siri
(Untuk kegunaan urus setia):

BORANG PENYERTAAN DAN PENGAKUAN KEASLIAN KARYA

SAYEMBARA VIDEO PENDEK BERTERASKAN NILAI
PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2020

BORANG PENYERTAAN

NO	PERKARA	
1.	Nama	1.....(GURU) 2.....(MURID) 3.....(MURID)
2.	Nombor Kad Pengenalan	
3.	Tajuk Video	
4.	Tema	
5.	Nama dan alamat sekolah	
6.	No Telefon Sekolah	
7.	No Faksimile Sekolah	
8.	No Telefon Bimbit Guru	
9.	E-mel Guru & sekolah	

PERAKUAN

Saya (.....(guru)) bernombor kad pengenalan (.....) dengan ini mengakui bahawa:

1. Semua butiran diri yang diberikan adalah benar.
2. Karya yang dihantar adalah karya saya sendiri sepenuhnya.
3. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap karya yang dihantar dari segi kesahihan fakta dan bebas daripada unsur ciplak, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan
4. Bersetuju bahawa hasil karya ini akan menjadi milik penganjur untuk disunting dicetak dan diterbitkan.

Tandatangan :
Nama :
No. Kad
Pengenalan :

Pengesahan Pengetua

Tandatangan :
Cop jawatan :

Untuk rekod Urus setia

Tarikh Terima :
Nama penerima :

NOTA KEPADA URUS SETIA:

- SILA CATATKAN NOMBOR SIRI PADA BORANG PENYERTAAN DAN PEMACU PENA (PEN DRIVE)
- SILA ASINGKAN BORANG PENYERTAAN DAN PEMACU PENA (PEN DRIVE)

SINOPSIS VIDEO (tidak lebih dari 100 patah perkataan)